

Penyertaan sulung bawa tuah

Kumpulan tari UMS rangkul dua anugerah di BHF 2017

PENYERTAAN sulung kumpulan tari Artums D'Elite Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) membawa hasil apabila berjaya merangkul dua anugerah pada Festival Tari Borneo Hornbill 2017.


UMS memenangi anugerah Kostum Dramatari Terbaik dan Koreografi Dramatari Terbaik pada festival tersebut yang berlangsung di Radio Televisyen Malaysia (RTM) Angkasapuri Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurut pensyarah FKSW, Sharip Zainal Sagif Shek yang juga merupakan koreografi kumpulan Artums D'Elite, seramai 12 pelajar UMS yang mengikuti festival tersebut terdiri daripada pelajar tahun 1, 2 dan pascasiswazah.

"Ini merupakan penyertaan pertama buat pelajar tari FKSW dan saya harap ia akan menjadi pendorong kepada semua pelajar terutama pelajar tari FKSW untuk melangkah lebih jauh dan terkenal di peringkat antarabangsa," ujarnya ketika dihubungi media.

Tambah beliau, UMS juga akan turut menyertai beberapa festival yang akan berlangsung pada bulan Ogos dan September tahun ini, iaitu Festival Tari Borneo 2017 di Labuan dan Festival Koreografi 2017 di Universiti Teknologi Petronas Perak.

Pada festival itu, kumpulan Artums D'Elite dirangi oleh Artis Budaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Norain Abd Razak.



GEMBIRA... Kumpulan Artums D'Elite membawa pulang dua trofi kemenangan.



PENYERTAAN sulung FKSW UMS berhasil.

